

30/06/2002

TRI tidak patut halang proksi: Pak Lah

KUALA LUMPUR: Technology Resources Industries Bhd (TRI) tidak patut melarang proksi Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) syarikat itu Khamis lalu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Tak sepatutnya berlaku kerana pemegang saham mesti diberi kebenaran (turut serta). Mereka berhak menghadiri mesyuarat itu," kata Timbalan Perdana Menteri.

Pada AGM itu, Tan Sri Tajuddin Ramli, seorang daripada empat pengarah TRI yang mahu disingkir oleh Telekom Malaysia, dilantik semula sebagai Pengerusi TRI, pada mesyuarat yang menyaksikan 40 peratus pemegang saham syarikat itu tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat.

Antara alasan tidak membenarkan pemegang terbabit menghadiri mesyuarat ialah borang proksi mereka tidak sah selepas gagal menyertakan akaun sekuriti yang diwakili.

Telekom Malaysia dikatakan akan mengambil tindakan undang-undang berikutan kejadian itu, bagaimanapun TRI dalam kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur kelmarin, menafikan tindakannya itu bersifat sembarangan, mengetepikan undang-undang dan mengetepikan tadbir urus korporat.

Abdullah ketika mengulas lanjut berkata, alasan TRI bahawa terdapat masalah teknikal membabitkan borang proksi sebenarnya boleh diatasi dengan mudah dan ia tidak sepatutnya hingga menghalang proksi syarikat terbabit daripada hadir mesyuarat.

Justeru, beliau menegaskan pihak terbabit telah membawa perkara ini 'ke atas' dan ia dijangka dapat diputuskan tidak lama lagi.

Sementara itu, Abdullah enggan mengulas kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, supaya Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, turut mengikut jejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meletak jawatan dalam tempoh tertentu.

(END)